

Pimpinan baru

DENGAN perasmian Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO yang baru, lain-lain keputusan pemilihan barisan kepimpinan UMNO dan bila Perdana Menteri Datuk Hussein Onn meletakkan jawatannya nanti, rombakan Kabinet adalah suatu perkara yang pasti berlaku. Adakah rombakan itu besar atau kecil, dan, yang lebih menarik, siapakah bakal Timbalan Perdana Menteri, belumlah jelas. Jika Datuk Seri Dr. Mahathir masih meneruskan tradisi UMNO dan Kerajaan selama ini, apabila bejiau telah rasmi memegang jawatan Perdana Menteri tentulah Datuk Musa Hitam akan menjadi Timbalannya. Selain daripada mereka berdua, melihat kepada keputusan pemilihan anggota-anggota Majlis Tertinggi UMNO kelmari, barisan pemimpin pelapis yang telah dipupuk oleh pemimpin-pemimpin yang lepas akan memegang kuasa.

Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam pernah dicap sebagai golongan pelampau nasionalis Melayu. Sebahagian dari anggota Majlis Tertinggi UMNO sekarang dikenal sebagai sehaluan dengan mereka. Hakikat ini nampaknya mulai menimbulkan sedikit sebanyak kegelisahan di kalangan sebahagian rakyat, ahli-ahli perniagaan dan pelabur asing. Dengan tidak berselindung-selindung Dr. Mahathir juga mengakui bahawa beliau memang seorang nasionalis Melayu. Soalnya ialah apakah barisan pemimpin nasionalis tidak berkeupayaan mengendalikan pemerintahan dengan adil dan licin, mengekalkan keamanan dan ketenteraman serta menjamin hak seluruh rakyat serta pelaburan asing mengikut Perlembagaan?

Jika hujah pihak yang merasa bimbang sekarang, atau golongan yang menggunakan isu ini untuk menimbulkan kebimbangan itu, bahawa nasionalisme pemimpin-pemimpin inilah yang akan mengubah dengan mendadak dasar yang telah berjalan dan kemajuan yang telah dinikmati, sesungguhnya mereka tersilap. Pemimpin-pemimpin yang lalu juga adalah dari golongan nasionalisme Melayu — dari Tunku Abdul Rahman hingga Datuk Hussein Onn. Jika mereka bukan berfahaman nasionalis, mereka tidak akan menyertai, dan tidak akan diterima oleh, UMNO, Parti yang tertubuh dalam tahun 1946 atas tapak semangat nasionalisme Melayu. Bagaimanapun, nasionalisme mereka ini semua bukanlah nasionalisme sempit. Dan nasionalisme Dr. Mahathir tidak berbeza dengan nasionalisme mereka.

Seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mahathir, tidak ada sebarang perubahan mendadak dalam dasar-dasar negara. Segalanya telah pun ditetapkan, dan inilah yang akan dilanjutkan. Yang mungkin berbeza cumalah cara pelaksanaannya saja. Yang perlu bimbang ialah orang-orang yang menyeleweng dari dasar-dasar itu, bukannya yang mematuhinya dan pelabur-pelabur asing yang Dr. Mahathir sendiri paling aktif menjemputnya.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia